

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
KEDUDUKAN TANAH WAKAF KHAS MAIS,  
LOT 6684 TELUK GADONG PELABUHAN KLANG**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor bagi mendapatkan pandangan dan nasihat serta menimbangkan jalan penyelesaian keatas beberapa perkara asas yang berkaitan dengan tanah wakaf khas MAIS di Lot 6684, Teluk Gadong, Pelabuhan Klang.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pihak Majlis Agama Islam Selangor telah menerima tanah wakaf ini daripada Tuan Hj. Samad bin Madon pada 19hb. Jun 1957 melalui satu proses tukar milik kepada Majlis Agama Islam Selangor sebagai hadiah untuk wakaf khas masjid. Tanah ini terletakdi atas Lot 6684, Telok Gadong, Klang Selangor. Satu proses penyerahan tanah ini kepada pihak kerajaan terpaksa dilakukan bagi membolehkan tanah ini digazzatte sebagai tapak masjid seperti niat pewakaf.
- 2.2 Hasrat untuk membina masjid oleh pewakaf tidak tercapai oleh kerana masjid tersebut dipindahkan ke Pelabuhan Klang dan di beri nama Masjid As-Samadiyah atas alasan tapak lot 6684 tidak lagi bersesuaian disebabkan kurangnya penduduk dan sebahagian kecil tanah tersebut diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk pembesaran jalan.
- 2.3 Melihat kepada perubahan –perubahan ini pihak MAIS mengambil inisiatif untuk memohon semula tanah wakaf ini daripada pihak kerajaan untuk maksud pembangunan perumahan dan perdagangan. Setelah mendapat kelulusan maka kerja-kerja pembinaan giat dijalankan sekitar tahun 1995. tidak lama kemudian pihak MAIS dihubungi dan didatangi oleh waris-waris pewakaf yang menyatakan tanah tersebut adalah untuk tapak masjid dan pihak MAIS telah gagal menyempurnakan amanah tersebut.

### **3. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor telah membuat keputusan mengekalkan status tanah tersebut sebagai tanah wakaf dengan memberi pilihan seperti berikut:-

- 3.1 Hendaklah dibina masjid sebagaimana yang dikehendaki oleh orang yang mewakafkannya.
- 3.2 Hendaklah dibina masjid dan rumah kakitangan masjid sebagaimana yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- 3.3 Mengekalkan status tanah wakaf dengan membina masjid dan bangunan kediaman untuk disewakan. Bangunan kediaman ini tidak boleh dijual. Segala hasilnya menjadi milik kepada pemegang amanah iaitu MAIS untuk tujuan wakaf sahaja.
- 3.4 MAIS perlu membentuk satu jawatankuasa khas untuk menyelia pelaksanaan aktiviti di bangunan tersebut dengan perlaksanaanya tidak bercanggah dengan hukum syara'.